

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN  
MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]**

**SOALAN NO. 191**

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam meluaskan liputan rangkaian telefon dan jalur lebar di kawasan luar bandar, khususnya di negeri Pahang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan secara berterusan giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Kuala Krau dan seluruh negeri Pahang.
2. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada, sebanyak 325 menara komunikasi baru telah siap beroperasi di Pahang manakala 25 menara lagi dalam peringkat pelaksanaan. Ini merupakan tambahan kepada 885 menara komunikasi yang disediakan secara komersial di Pahang oleh syarikat-syarikat telekomunikasi utama. Daripada jumlah ini, sebanyak 46 menara komersial terletak di Kuala Krau.
3. Selain itu, sebanyak 825 lokasi menara sedia ada telah siap dinaiktaraf di negeri Pahang yang menyediakan liputan perkhidmatan sehingga 4G manakala 46 menara lagi sedang dalam proses penaiktarafan dan dijangka siap menjelang suku keempat 2019. Daripada jumlah tersebut, 54 lokasi menara yang telah siap dinaiktaraf berada di parlimen Kuala Krau.

4. Pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir dan luar bandar di mana terdapat lebih 46 ribu sambungan tersedia melalui 68 ibusawat talian tetap di Pahang manakala sebanyak 8 ribu sambungan lagi dalam pelaksanaan termasuklah 4 ibusawat yang berada di parlimen Kuala Krau.
  
5. Kesemua inisiatif ini adalah usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan liputan dan kualiti jalur lebar di kawasan bandar dan luar bandar termasuklah di parlimen Kuala Krau dan negeri Pahang.
  
6. Pihak Kerajaan juga telah merangka deraf Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.